

Pembangunan semula bandar jadi agenda utama

Garis panduan sosial, ekonomi dirancang menerusi PLANMalaysia

Hong Kong: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kini pada peringkat akhir menyediakan draf Akta Pembaharuan Semula Bandar (URA) Malaysia yang pertama dan akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi.

Menterinya, Nga Kor Ming, berkata sehingga peringkat ini, kementerian mengadakan banyak sesi dialog awam dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan kerajaan negeri.

“Melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), kita menyiapkan garis panduan utama pembangunan semula bandar bagi Malaysia dan ia diluluskan Kabinet tahun lalu.

“KPKT bekerjasama dengan pelbagai agensi terutama bahagian penyediaan draf daripada Jabatan Peguam Negara untuk menyediakan undang-undang itu,” katanya dalam temubual eksklusif dengan *Bernama* dan *The Edge* semasa Lawatan Pengkaji Asia Hartanah (AREL) di Hong Kong dan Shenzhen, Edisi China.

Lawatan itu dianjurkan Insti-

tut REHDA, bahagian penyelidikan dan latihan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Malaysia dengan lebih 50 wakil melawat pelbagai tapak unik, merangkumi pembangunan semula bandar dan dasar perumahan awam serta undang-undang strata.

Delegasi daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk arkitek, juru ukur, penilai, penyelidikan, pemaju, perancang bandar, penguam, ahi perbankan dan pihak berkuasa kerajaan.

Kor Ming berkata, apabila akta itu diluluskan Parlimen, ia akan mencipta peluang berganda dan peluang pelaburan yang melimpah untuk mengubah landskap bandar serta menghasilkan nilai pembangunan kasar (GDV) yang mencecah berbilion ringgit.

Empat ruang lingkup

Selain itu, katanya, kebakaran dengan nilai kerugian RM2.62 bilion yang direkodkan tahun lalu

oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) antaranya disebabkan masalah pendawaian rumah yang dapat dielakkan.

“Perancangan dan pembangunan bandar adalah agenda ekonomi dan sosial penting bagi Malaysia, terutama dengan kadar urbanisasi semasa pada 78 peratus, yang dijangka meningkat kepada 84 peratus menjelang 2040,” katanya.

Di Kuala Lumpur, Kor Ming berkata, jika tiada inisiatif dilakukan, banyak kawasan kurang membangun yang mungkin berpotensi wujud 20 tahun lagi boleh menyebabkan banyak perumahan strata buruk, usang dan tidak layak didiami terutama di Pandan Indah, Sentul dan Petaling Jaya, Selangor.

“DBKL mengenal pasti 139 tapak berpotensi merangkumi kira-kira 555.22 hektar tanah dalam bidang kuasa DBKL yang sesuai untuk pembangunan semula.

“Pembangunan semula ban-

dar akan merangkumi empat ruang lingkup, pertama iaitu pembangunan semula bandar bermaksud anda merobohkan, kemudian membina semula, kedua, pemulihan bandar dan ketiga penyegerakan semula bandar.

“Dan terakhir, pemuliharaan bandar dengan bangunan warisan negara bukan saja kita tidak boleh merobohkannya, tetapi ia harus dikekalkan,” katanya.

Katanya, sebagai contoh, pasar tertua, Pasar Taiping yang juga pasar awam pertama di Tanah Melayu dibina pada 1874, kini sedang melalui pemulihan semula secara besar-besaran dan dijangka siap Oktober nanti.

“Proses pemulihan itu sangat sukar, kini dibina semula menggunakan bahan binaan sama seperti kayu dan warna bagi mengekalkan bentuk warisan dan suasana pasar yang asal untuk memberi lebih nilai sejarah selain menarik pelancong,” katanya. **BERNAMA**

